



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

Agensi Kementerian Pembangunan Luar Bandar

KENYATAAN TENDER (KHAS UNTUK BUMIPUTERA)

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor **Bumiputera** yang berpengalaman, berkelayakan dan didaftarkan dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) / CIDB** dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan bagi melaksanakan kerja-kerja berikut :-

CADANGAN KERJA-KERJA PEMBINAAN PUSAT KECEMERLANGAN PENGANGKUTAN MARA (MARA TRANSPORT EXCELLENCE CENTRE (MTEC)) DI JELAPANG, DAERAH KINTA, PERAK

NO TENDER	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT TAPAK	TEMPOH PENJUALAN TENDER	LPIPM	HARGA SENASKAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP TENDER
21/2020	14/10/2020 10.00 pagi Bilik Mesyuarat Pejabat MARA Negeri Perak Tingkat 5, Bangunan Sri Kinta, Jalan Sultan Idris Shah, Ipoh, Perak Taklimat dengan mematuhi garis panduan atau Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara.	15/10/2020 Hingga 29/10/2020	Gred : G5 Kategori : B Pengkhususan : B04	RM 200.00	09/11/2020 (Sebelum 12.00 tengah hari)

*Sila bawa cop syarikat semasa menghadiri taklimat tender

2. Kontraktor hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih **sah tempohnya** untuk semakan sebelum dibenarkan mengambil dokumen :-
- Sijil Asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK) yang dikeluarkan oleh CIDB
 - Sijil Asal Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang dikeluarkan oleh CIDB
 - Sijil Asal Taraf Bumiputera (STB) yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU)

Satu (1) salinan fotostat **Sijil-sijil Asal** bagi dokumen di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan **MARA** semasa hendak membeli dokumen. **MARA** berhak menolak permohonan yang pada tanggapan **MARA** tidak layak.

3. Bayaran dokumen tender boleh dibuat secara **BANK DRAF** atas nama **MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)**. Wang ini tidak akan dikembalikan. Satu (1) kontraktor hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen tender bagi setiap tender dan mengemukakan (1) tawaran tender sahaja.
4. Dokumen tender boleh didapati pada waktu pejabat (8.30 pagi – 1.00 ptg, 2.00 ptg - 4.30 ptg) di alamat seperti di bawah. Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas tempoh ini.
5. Kontraktor yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat tender seperti alamat di atas. Wakil syarikat adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat tender dan membeli dokumen. Hanya **PEMILIK SYARIKAT / PENAMA** yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan pengambilan dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN** dan **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dengan CIDB untuk pengesahan. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak dan taklimat tender tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa/ Wakil Pegawai Penguasa yang dilantik oleh MARA semasa menghadiri taklimat tender.
6. Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor.
7. **MARA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **MARA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
8. Dokumen tender yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. Tender** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender** seperti alamat di bawah :

PENGARAH
BAHAGIAN PENGURUSAN ASET & PEROLEHAN
TINGKAT 2 (KAUNTER TENDER) LOT 3.15, IBU PEJABAT MARA,
21, JALAN MARA, 50609 KUALA LUMPUR
Pada atau sebelum tarikh tutup tender jam 12.00 tengah hari.

9. Dokumen tender yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tender tidak akan diterima dan ditolak. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>